



# BROSUR BIASISWA

## Pengenalan

Tabung Amanah Bakun (TAB) ditubuhkan di bawah The Charitable Trust Ordinance, 1994 melalui Bakun Charitable Trust Declaration (Made Under Section 3).

Tabung ini ditubuhkan khusus untuk membantu masyarakat di Daerah Belaga yang terlibat dalam pembinaan Projek Hidro Elektrik Bakun, dengan tumpuan utama pada pembangunan pendidikan.

TAB telah dilancarkan secara rasmi pada 1 September 1996 oleh YAB Bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, dan Bekas Yang Dipertua Negeri Sarawak, Allahyarham Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib bin Mahmud.

## Visi

Menjadi peneraju pendidikan berkualiti yang inklusif bagi masyarakat Daerah Belaga.

## Misi

Komitded untuk memastikan pendidikan berkualiti dan inklusif bagi masyarakat di Daerah Belaga, mempromosikan peluang pembelajaran sepanjang hayat dan menghapuskan halangan dalam akses kepada pendidikan.



## Mohon Sekarang

Terhad kepada 300 pelajar setahun.  
Mohon sekarang di  
<http://www.tabungamanahbakun.org.my>



## Objektif

- Meningkatkan status pendidikan masyarakat di kawasan Daerah Belaga;
- Menyediakan kemudahan bantuan kewangan untuk meringankan beban pelajar IPT/ ILK/T;
- Meningkatkan kesedaran pendidikan masyarakat Belaga melalui program Pendidikan dan Latihan Kemahiran; dan
- Meningkatkan kemudahan asas bagi memperkasakan kualiti dan pencapaian pendidikan.

”

*“Menghapus halangan,  
harapan pendidikan  
untuk Belaga.”*

# BANTUAN KEMASUKAN KE IPT

## Syarat-syarat

1. Pelajar yang berketurunan asal dari Belaga dan penduduk tetap di Belaga (sekurang-kurangnya Sijil Kelahiran seorang daripada ibu bapa lahir di Belaga, jika tidak, kemukakan Sijil Kelahiran datuk nenek atau Surat Pengesahan Penduduk Asal Belaga).
2. Warganegara Malaysia.
3. Terbuka kepada pelajar yang masih dalam tempoh pengajian sahaja.
4. Mengikuti mod pengajian Sepenuh Masa.
5. Mengikuti pengajian di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institusi Latihan Kemahiran atau Teknikal anjuran kerajaan.
6. Ibu bapa pelajar mempunyai pendapatan perkapita RM1,500.00 dan ke bawah.
7. Hanya meliputi kemasukan peringkat Sijil, Matrikulasi, Asasi, Pra Diploma, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda.
8. Setiap salinan cetak dokumen sokongan hendaklah disahkan oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan A/ Pengetua/ Guru Besar/ Guru Penolong Kanan/ Wakil Rakyat/ Penggawa/ Penghulu/ Ketua Kampung/ Pengerusi JKKA (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung)/ Ketua Kaum/ Ketua Anak Negeri/ Pesuruhjaya Sumpah.
9. Kelulusan tertakluk kepada peruntukan semasa.
10. Hantar SALINAN CETAK (HARD COPY) tersebut ke alamat Tabung Amanah Bakun.

## Bantuan

Geran bantuan yang tidak perlu dibayar balik ini adalah seperti berikut:

- Dalam Sarawak: RM1,000.00
- Luar Sarawak: RM1,500.00

# BIASISWA PERSEKOLAHAN

## Syarat-syarat

1. Pelajar yang berketurunan asal dari Belaga dan penduduk tetap di Belaga (sekurang-kurangnya Sijil Kelahiran seorang daripada ibu bapa lahir di Belaga, jika tidak, kemukakan Sijil Kelahiran datuk nenek atau Surat Pengesahan Penduduk Asal Belaga).
2. Warganegara Malaysia.
3. Mengikuti persekolahan Sekolah Menengah Berasrama Penuh atau Sekolah Berprestasi Tinggi.
4. Terbuka kepada pelajar yang masih dalam tempoh persekolahan Tingkatan 1 sehingga 5.
5. Ibu bapa pelajar mempunyai pendapatan perkapita RM1,500.00 dan ke bawah.
6. Kelulusan tertakluk kepada peruntukan semasa.
7. Setiap salinan cetak dokumen sokongan hendaklah disahkan oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan A/ Pengetua/ Guru Besar/ Guru Penolong Kanan/ Wakil Rakyat/ Penggawa/ Penghulu/ Ketua Kampung/ Pengerusi JKKA (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung)/ Ketua Kaum/ Ketua Anak Negeri/ Pesuruhjaya Sumpah.
8. Hantar SALINAN CETAK (HARD COPY) tersebut ke alamat Tabung Amanah Bakun.

## Bantuan

Kadar tetap Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 adalah RM300.00 setiap pelajar, berdasarkan pencapaian akademik dan penglibatan ko-kurikulum setiap tahun yang telah disahkan oleh pihak sekolah.

## Dokumen Sokongan

1. Kad Pengenalan PEMOHON
2. Sijil Kelahiran PEMOHON
3. Surat Tawaran Kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institusi Latihan Kemahiran atau Teknikal anjuran kerajaan atau Sekolah Menengah Berasrama Penuh atau Sekolah Berprestasi Tinggi
4. Sijil SPM/SPMV/STPM dan keputusan terkini institusi atau persekolahan
5. Kad Pengenalan IBU
6. Sijil Kelahiran IBU
7. Kad Pengenalan BAPA
8. Sijil Kelahiran BAPA
9. Sijil Kematian (Jika berkaitan)
10. Slip Gaji atau Pengesahan Pendapatan atau Penyata Pencen IBU dan BAPA
11. Butiran akaun bank PEMOHON yang aktif



Layari laman sesawang dan mohon di  
<http://www.tabungamanahbakun.org.my>



Hubungi kami untuk maklumat lanjut  
016 260 1001

## CARTA ALIR PROSEDUR PERMOHONAN DALAM TALIAN

